

05 SEP 1996

KEMAJUAN SABAH BERGANTUNG KEPADA USAHA KOLEKTIF BN

KOTA KINABALU, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemajuan dan kesejahteraan rakyat Sabah pada masa depan bergantung kepada usaha kolektif semua parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata sebarang masalah dalam menjayakan rancangan kerajaan hendaklah diatasi dengan semangat kerjasama yang tinggi dan hormat-menghormati yang menjadi teras perikatan part-parti komponen BN.

"Parti-parti komponen BN di Sabah harus bekerjasama sebagai satu pasukan dalam menjayakan rancangan dan matlamat kerajaan BN untuk membawa negeri ini ke dalam arus pembangunan nasional," katanya dalam perutusan sempena mesyuarat agung ke-5 Akar Bersatu, parti komponen BN Sabah, Sabtu ini.

Mesyuarat sehari itu akan dirasmikan oleh Presiden Akar Bersatu, Datuk Mark Koding.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata Sabah masih ketinggalan daripada segi pembangunan sosio-ekonomi manakala kegiatan ekonominya masih tertumpu kepada kegiatan tradisional.

Katanya, masih banyak lagi daerah di Sabah terutama kawasan pedalaman yang kekurangan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, sekolah dan kemudahan perubatan.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee pula berkata menjadi tanggungjawab bersama bagi parti-parti komponen BN untuk memastikan apa jua yang dirancang kerajaan BN dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Katanya, parti-parti komponen BN hendaklah merapatkan lagi hubungan demi meningkatkan taraf hidup semua golongan masyarakat di Sabah.

Kira-kira 800 anggota perwakilan dijangka menghadiri mesyuarat agung itu. Tiada pertandingan jawatan diadakan pada mesyuarat kali ini. --

BERNAMA

MOK NMO